



Ruj. Kami : KP/MAQIS/556 JLD.6 ( 29 )

Tarikh : 05 April 2018

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

### KEMASKINI ARAHAN KELULUSAN UNTUK PERMIT IMPORT DAN EKSPORT BAGI KATEGORI TERPILIH (HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN) DI PERINGKAT IBU PEJABAT (HQ) PUTRAJAYA.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan, untuk meningkatkan kecekapan urusan pengeluaran dan pemantauan **PERMIT IMPORT DAN EKSPORT BAGI KATEGORI TERPILIH (HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN)**, kelulusan (*verifier* dan *approver*) hanya dibuat peringkat Ibu Pejabat Putrajaya. Pintu masuk adalah dilarang untuk meluluskan permit import tersebut. Kategori yang terlibat adalah seperti berikut::

KATEGORI TERPILIH	HQ PUTRAJAYA	ITEM YANG TERLIBAT
i. Liquid Milk	Import	Susu Cair (Plain dan Berperisa)
ii. Poultry Product	Import	Keratan Daging Ayam
iii. Ruminant Product	Import	Keratan Daging Ruminan/Offal
iv. Pork Product	Import	Keratan Daging Babi/Karkas Babi/Suckling Pigs
v. Biologic	Import	Produk Biologik
vi. Biologic Vaccine	Import	Produk Biologik Vaksin
vii. Swiftlet Product	Import Dan Eksport	Sarang Burung Walit ( <i>Raw Cleaned dan Raw Uncleaned</i> )
viii. Eggs	Import	Telur SPF
ix. Semen	Import	Semen

3. Sehubungan itu juga, kelulusan semua **PERMIT IMPORT** kategori **HAIWAN RUMINAN HIDUP (Live Animal Ruminant)** akan diuruskan (*verifier* dan *approver*) oleh semua pintu masuk terlibat. Ini untuk memudahkan urusan berkaitan dengan **penempahan ruang kuarantin** yang mana berkenaan. Tarikh kuatkuasa arahan untuk kelulusan permit import haiwan ruminan hidup oleh semua pintu masuk adalah **berkuatkuasa serta-merta**.

**Ruj. Kami:** KP/MAQIS/556 JLD.6 (29)

**Tarikh** : 05 April 2018

4. Untuk urusan pengeluaran permit import dan eksport yang bukan dalam kategori terpilih (seperti para 2) adalah sebagaimana seperti amalan sedia ada.
5. Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah



**(DATO' MOKHTARUD-DIN BIN HUSSAIN)**

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia  
Putrajaya

s.k:

- i. Stesen Kuarantin Haiwan Padang Besar, Perlis
- ii. Stesen Kuarantin Haiwan Rantau Panjang, Kelantan
- iii. Stesen Kuarantin Haiwan Batu Maung, Pulau Pinang
- iv. Stesen Kuarantin Haiwan KLIA, Selangor

**SENARAI EDARAN DALAM**

1. Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan
2. Pengarah Bahagian Import/ Eksport dan Data
3. Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan
4. Pengarah Bahagian Kuarantin
5. Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

**SENARAI EDARAN LUAR**

1. Pengarah MAQIS Negeri Selangor dan N. Sembilan
2. Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang
3. Pengarah MAQIS Negeri Kelantan
4. Pengarah MAQIS Negeri Perlis
5. Pengarah MAQIS Negeri Perak
6. Pengarah MAQIS Negeri Kedah
7. Pengarah MAQIS Negeri Kedah
8. Pengarah MAQIS Negeri Pahang
9. Pengarah MAQIS Negeri Johor dan Melaka
10. Pengarah MAQIS Wilayah Persekutuan Labuan

**Mohon dipanjangkan kepada Ketua Pintu Masuk MAQIS Negeri masing-masing**